

# 12 staf UMSKAL terima Anugerah Jasa Setia 20 Tahun

UB 1.10.2019 6

**LABUAN:** Seramai 12 pegawai dan kakitangan UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah menerima Anugerah Jasa Setia 20 Tahun sempena Majlis Penghargaan Kakitangan UMSKAL 2019.

Mereka menerima sijil penghargaan dan sebatang pen.

Turut menerima sijil penghargaan ialah 17 pegawai dan

kakitangan yang menerima Anugerah Jasa Bakti 10 Tahun.

Majlis penyampaian anugerah disempurnakan oleh Pengarah UMSKAL Prof Dr Murnizam Halik di Bilik Sri Menanti, Bangunan Menara, kelmarin.

Turut hadir, Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) Prof Dr Abdullah Gani dan Timbalan Pendaftar

Kanan UMSKAL Zamri Mohamad Tuah.

Pada majlis itu, tiga orang pemenang turut menerima hadiah pertandingan Jom Pay anjuran Sektor Kewangan UMSKAL.

Dalam ucapan ringkasnya, Murnizam berkata UMS sentiasa menghargai sumbangan kakitangan apatah lagi yang telah berkhidmat selama 20 tahun dan 10 tahun.